

KARYA-KARYA AQIDAH ISLAM: SATU TINJAUAN RINGKAS TERHADAP PENULISANNYA SEPANJANG ZAMAN

Oleh
Dr. Johari Mat*

Abstract

This articles attempts to focussed on Islamic written texts that has been produced by Islamic scholars from time to time.

PENDAHULUAN

Islam adalah agama Allah yang diturunkan untuk seluruh umat manusia. Tujuannya ialah untuk mengatur hidup mereka agar berjalan dengan sempurna dan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Islam telah menerangkan kedudukan manusia di alam ini dan menjelaskan hubungan mereka dengan pihak-pihak lain. Secara umumnya hubungan-hubungan itu dapat dirumuskan kepada tiga bahagian iaitu hubungan dengan Allah, dengan diri sendiri dan dengan masyarakat. Hubungan-hubungan itu pula mempunyai pertalian rapat dengan dimensi-dimensi lain iaitu dikenali sebagai aqidah, syariat dan akhlak.

Aqidah merupakan asas kehidupan manusia. Setiap insan yang lahir ke dunia ini sudah dibekalkan dengan fitrah beraqidah dan keyakinan yang menjadi pegangan hidup. Mereka akan mempertahankan kepercayaan dan pegangan tersebut walaupun terpaksa membayar dengan harga yang mahal, sehingga sanggup mengorbankan jiwa dan harta. Dalam Islam kepercayaan ini dikenali sebagai aqidah. Justeru itu setiap insan akan melakukan tindakan dan aktiviti mereka selaras dengan kepercayaan dan pegangan aqidah masing-masing.

*Pensyarah di Jabatan Aqidah & Pemikiran Islam, Universiti Malaya, merangkap Ketua Jabatan.

Islam telah meletakkan aqidah di tempat yang paling utama di dalam kehidupan. Tanpa aqidah yang benar semua amalan tidak akan diterima dan sia-sia belaka. Dalam hubungan ini Allah telah berfirman:

“dan Kami bawakan perbicaraan kepada apa yang mereka lakukan di dunia ini, lalu Kami jadikan ianya sebagai abu yang berterbangan.” (al-Furqan : 25)

Mentauhidkan Allah merupakan aqidah yang dibawa oleh semua nabi dan rasul. Setiap rasul menyeru umat masing-masing supaya beriman kepada Allah dan mentauhidkanNya. Cara dan pendekatan yang diguna oleh para rasul pula mudah dan senang difahami. Kerana itu orang yang menerima dakwah dan ajakan mereka menerimanya dengan jelas, sementara yang menolaknya, mereka menolaknya dengan jelas juga.

Untuk beriman kepada Allah dengan sebenarnya perlu mengenaliNya melalui wahyu, sama ada dari al-Qur'an ataupun al-hadith. Al-Qur'an dan al-hadith telah menggambarkan kepada manusia seluruhnya tentang Allah dengan jelas dan sempurna. Dengan gambaran keagungan Allah melalui nama-nama dan sifat-sifatNya itu memberi kefahaman kepada hambaNya tentang kehebatan dan keagungan Allah. Dengan itu mereka dapat mengenaliNya lantas beriman dan mentauhidkan Allah dengan sebenar-benarnya.

Untuk memperlihatkan kehebatan Allah dan kepentingan beriman denganNya, Rasulullah s.a.w. telah menerangkan di dalam sebuah hadith tentang kelebihan surah al-Ikhlas. Kelebihannya adalah sama dengan satu pertiga al-Qur'an.¹ Sekiranya kita melihat kepada intipati surah tersebut ternyata ia berkisar kepada beriman kepada Allah dan mentauhidkanNya. Secara umum, surah al-Ikhlas menjelaskan tauhid terhadap Allah dan bahagiannya iaitu *Tauhid Uluhiyyah, Rububiyyah* serta *Asma'* dan *Sifat-SifatNya*.

Secara umumnya al-Qur'an mengajak umat manusia supaya mentauhidkan Allah dan beriman denganNya. Ini dapat dilihat kepada kandungan dan intipati isi al-Qur'an. Antara penekanan yang yang ditumpukan ialah;

1. Menceritakan tentang Allah. Ia merangkumi nama-nama, sifat-sifat, perbuatan dan kata-kataNya atau firmanNya.
2. mengajak manusia seluruhnya supaya mengabdikan diri kepadaNya juga dan membuang serta menolak semua sembahans-

¹Ibnu Khathir, *Tafsir al-Quranul al-Azim*, Dar al-Ma'trifah, Beirut, Lubnan, (t.t) j. 4, h. 566.

sembahan selain dariNya.

3. memerintah manusia seluruhnya supaya patuh terhadap suruhan dan larangaNya.

4. menceritakan kemuliaan yang dapat dicapai oleh sesaorang hamba yang taat, apa yang mereka dapat nikmati di dunia dan di akhirat.

5. menerangkan kedudukan golongan yang ingkar dan syirik terhadapnya, apa yang mereka akan terima di dunia dan juga di akhirat nanti.

Dengan itu dapat disimpulkan bahawa secara umumnya al-Qur'an membincangkan tentang tauhid, hak-hak, balasan terhadap orang yang patuh atau kemurkaan Allah terhadap orang yang ingkar.²

Kerana pentingnya aqidah di dalam Islam dan sebagai asas di dalam semua tindakan, maka Rasulullah telah mengambil masa yang panjang untuk menjelaskan konsep aqidah dan menerapkannya ke dalam kefahaman dan jiwa umat Islam. Selama tiga belas tahun di Mekah, Rasulullah telah memberi penekanan kepada tiga perkara penting iaitu beriman kepada Allah, beriman dan menerima baginda sebagai rasul dan beriman kepada hari akhirat.³ Ketiga-tiga asas tersebut telah diberi perhatian khusus di mana sekiranya ketiga-tiga nya sempurna maka semuanya akan turut sempurna, sebaliknya kalau ketiga-tiga perkara itu tidak sempurna sudah pasti aqidah akan turut binasa.

Aqidah bukan hanya menjadi agenda utama semasa Rasulullah berada di Mekah, malah ia juga menjadi agenda utama semasa baginda berada di Madinah. Ini dapat di lihat kepada syariat, hukum hakam dan peraturan hidup yang di turunkan di Madinah di hubungkan dengan iman terhadap Allah atau salah satu dari rukun-rukun iman, samada secara langsung atau tidak langsung. Untuk menjelaskan kedudukan ini dibawa beberapa contoh hubungan dan kaitan antara aqidah dan syariat dan hukum hakam.

1. Dalam bersuci dan mengambil wudu', Allah berfirman dengan menyebut dan memanggil orang yang beriman, maksudnya;

²Ibn al-'Izz al-Hanafi, *Syarh al-'Aqa'id al-Tahawiyyah*, al-Maktab al-Islami (t.t) h. 89-90.

³Al-Syatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*, tahqiq Dr. Abdullah Daraz, al-Maktabah al-Tijariah (t.t), j. 3, h. 416

“Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (pada hal kamu berhadas kecil), maka berwudu’lah, iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku” (al-Maidah : 6)

2. Solat dan zakat sering digandingkan, serta dihubungkaitkan dengan iman, Allah berfirman bermaksud: *“orang yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat sedang meraka pula percaya dan yakin dengan hari akhirat”* (al-Naml : 3)
3. Puasa juga dikaitkan dengan iman. Allah berfirman, bermaksud: *“wahai orang yang beriman, puasa diwajibkan kepada kamu sebagaimana ia telah diwajibkan kepada orang sebelum kamu, mudah-mudahan kamu bertakwa”* (al-Baqarah : 183)
4. Suami memberi layanan baik kepada isteri pun dikaitkan dengan iman. Allah berfirman, maksudnya: *“wahai orang yang beriman tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyeksa mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu berikan kepadanya, kecuali mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan baik”* (al-Nisa’ : 19).
5. Didalam memakai pakaian pun iman masih dikaitkan. Maksud firman Allah; *“wahai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan, dan pakaian yang berupa takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tandatanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hambaNya) supaya mereka mengenang dan bersyukur.”* (al-‘Araf : 27)
6. Makan minum pun juga dibimbing dengan iman. Firman Allah bermaksud: *“dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampaui, sesungguhnya Allah tidak suka orang-orang yang melampaui batas.”* (al-‘Araf : 31)
7. Dalam hubungan kelamin suami isteri pun masih dihubungkan dengan iman. Maksud firman Allah: *“isteri-isteri itu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh sebab itu datangkanlah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu suka, dan*

sediakanlah (amalan-amalan baik) untuk diri kamu, dan bertakwalah kepada Allah, serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang beriman.” (al-Baqarah : 223) .

8. Perlaksanaan hukum zina pun juga dikaitkan dengan iman. Maksud firman Allah; “*perempuan dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari kedua-duanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-dua mereka di dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada meraka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.” (al-Nur : 2)*

9. Begitulah juga halnya dengan hukum mencuri, Allah kaitkan perlaksanaannya dengan beriman kepadaNya. FirmanNya bermaksud: “*pencuri lelaki dan wanita (hukumnya), potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan apa yang mereka telah lakukan (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Ingatlah Allah Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana.” (al-Maidah : 37)*

Dari petikan maksud ayat-ayat di atas jelas menunjukkan pertambatan yang kuat dan erat di antara aqidah dan kegiatan hidup manusia, seperti makan minum, pakaian, hubungan kelamin, hukum-hukum dan sebagainya. Justeru itu aqidah merupakan paksi atau tunjang kepada asas dan sistem hidup manusia. Ia merupakan penggerak utama di dalam kehidupan mereka.

DEFINASI AQIDAH

AQIDAH DARI SUDUT BAHASA

Aqidah berasal daripada bahasa Arab yang berasal dari kata kerja *aqada*. *Aqada* bererti simpulan. Ia diguna untuk fizikal dan juga spiritual seperti tali, jual dan janji. Apabila di katakan “*simpul tali*” bererti ia di ikat di antara satu sama lain dengan kukuh dan kuat. Kalau digunakan untuk jual beli ia adalah perjanjian. Begitulah kalau digunakan untuk perkahwinan, dengan itu disebut *aqad al-biee* dan *aqadu al-nikah*. Kalimah *aqada* telah disebut beberapa kali di dalam al-Qur'an, antaranya ialah firman Allah s.w.t. bermaksud:

“Allah tidak menghukum kamu disebabkan sumpah-sumpah yang kamu lakukan dengan tidak sengaja sebaliknya Dia menghukum kamu dengan sumpah-sumpah yang kamu lakukan dengan sengaja.” (al-Ma’idah: 98)

Dan firmanNya lagi:

“Hai orang-orang yang beriman, tunaikanlah aqad-aqad (perjanjian) itu. (al-Ma’idah : 1)

AQIDAH MENURUT ISTILAH UMUM

Menurut istilah umum, aqidah membawa maksud satu keputusan yang terkeluar dari dalam hati sanubari seseorang dengan sungguh-sungguh sewaktu menentukan sesuatu perkara, sama ada keputusan yang diambil itu benar atau salah. Sekiranya keputusan yang diambil itu benar dan tepat maka ia adalah aqidah yang benar, seperti beriktiqad dengan keesaan Allah s.w.t. sebaliknya kalau salah, batil atau palsu maka salahlah aqidah tersebut, seperti beriktiqad Allah atau Tuhan itu lebih daripada satu sebagaimana yang diyakini oleh sebahagian manusia.

Aqidah juga dapat dertiakan sebagai iman yang kuat di dalam hati dan keyakinan yang mantap di dalam jiwa yang tidak boleh digoncang walaupun ditimbulkan berbagai-bagai keraguan dan salah faham terhadapnya. Ia adalah satu keyakinan yang dipegang dan diimani oleh setiap manusia, tersemat di dalam hati dan dijadikan sebagai ikutan dan cara hidup di dalam menentukan masa depan mereka tanpa mengira benar atau salah.⁴

PENGERTIAN AQIDAH ISLAM

Setelah kita mengetahui pengertian aqidah menurut istilah umum, maka perlu pula kita mengetahui pengertian sebenar aqidah Islam. Ada pelbagai definisi yang telah diberikan oleh para ulama sewaktu mentakrifkan aqidah Islam. Daripada takrif-takrif tersebut, hanya satu definisi sahaja akan dibawa di sini untuk menggambarkan aqidah Islam iaitu ia adalah iman yang kuat dan mendalam terhadap Allah s.w.t., malaikat-malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, hari akhirat, qadha’ dan qadar baik atau buruk, beriman dengan semua yang diturunkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang sahih yang terdiri daripada asas agama, perintah-

⁴Ibnu Faris, *Mu’jam Maqayis al-Lughah*, perkataan (*aqada*), juz. 4, h. 87-90.

perintah, perkhabaran-perkhabaran, ijma' para *salah al-soleh* dan menyerah diri dengan sepenuh hati kepada hukum Allah s.w.t., perintahNya, penentuanNya, syara', taat dan bertakhluk kepadaNya serta mengikut Rasulullah s.a.w.⁵

Selain daripada nama aqidah, ada nama-nama lain yang digunakan di dalam membicarakan aqidah Islam, antaranya ialah *al-Fiqh al-Akbar*, *al-Iman*, *al-Sunnah*, *Ilmu al-Tauhid*, *al-Syariah*, *Usuluddin*, *al-Tasawwur al-Islami*, *Ilmu al-Kalam*, *al-Falsafah*, *al-Tasawwuf*, Metafizika dan lain-lain.

Sebelum diuraikan secara ringkas tentang penggunaan istilah-istilah di atas di dalam membicarakan aqidah Islam, ada baiknya kita mengetahui secara sepantas lalu sejarah penggunaan istilah-istilah tersebut secara ringkas di dalam sejarah penulisannya sebagai berikut:

1. Pada kurun kedua Hijrah penulisan aqidah menggunakan istilah atau nama *al-Fiqh al-Akbar*.
2. Pada kurun ketiga Hijrah lahir pula istilah *al-Iman* dan *al-Sunnah*.
3. Dan di akhir kurun ketiga Hijrah dan permulaan kurun keempat Hijrah muncul pula istilah *tauhid*, *syariah*, *aqidah* dan *usuluddin*.⁶

Semua istilah tersebut telah diterima pakai oleh ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah sampai ke hari ini dengan menggunakan salah satu di antara istilah-istilah tersebut. Di bawah ini akan diutarakan istilah-istilah yang digunakan di dalam ilmu aqidah secara ringkas, agar dapat kita melihat perkembangan dan sejarahnya sepanjang rentetan sejarah penulisannya.

a) Al-Fiqh al-Akbar

Istilah ini mula-mula digunakan di dalam penulisan aqidah Islam. Yang dimaksudkan dengan *al-Fiqh al-Akbar* di sini ialah perbincangan tentang aqidah Islam kerana aqidah merupakan pokok di dalam Islam, sementara hukum fiqh yang lainnya seperti ibadah, mu'amalat, munakahat, jenayah dan sebagainya dikira sebagai furu'. Abu Hanifah pernah berkata: "*al-Fiqh al-Akbar di dalam agama (aqidah)*

⁵Dr. Abdul Karim al-'Aql, *Mabahis fi 'Aqidati Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, Dar al-Watan, Saudi Arabia, cet. 1 (t.t) h. 9.

⁶Muhammad bin Ibrahim al-Hamid, *Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah Mafhumuha*, Khasa'isaha.

lebih utama daripada fiqh di dalam ilmu furu', seseorang itu lebih baik memahami bagaimana mengabdikan dirinya kepada Tuhan yang Maha Esa daripada mempelajari banyak ilmu". Abu Mut'ie menceritakan: "Aku bertanyakan kepada beliau (Abu Hanifah) tentang perkara paling utama yang harus dipelajari oleh seseorang: "Ceritakan kepada saya apakah fiqh yang paling utama?". Lalu beliau menjawab: "Hendaklah seseorang itu belajar iman, syariat, sunnah-sunnah, hukum hudud dan pelbagai pendapat para ulama".⁷

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa mempelajari iman merupakan pokok utama di dalam Islam. Manakala mempelajari perkara lain diasaskan di atas keimanan. Tanpa iman yang betul sebagaimana yang digariskan oleh Allah di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, amalan seseorang tidak akan diterima.

Orang yang mula-mula menggunakan istilah *al-Fiqh al-Akbar* ialah Abu Hanifah al-Nu'man bin Thabit (m. 150H). Beliau telah menerangkan dengan jelas aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan manhajnya secara terperinci di samping beliau menolak fahaman-fahaman Muktazilah, Qadariah, Jahmiah, Syiah dan sebagainya.

Walaupun saiz kitab *al-Fiqh al-Akbar* kecil tetapi ia telah mendapat perhatian para ulama dari dulu sampai sekarang. Ramai ulama yang telah memberi syarahan dan huraian kepada kitab tersebut. Antaranya ialah Abu al-Laith al-Samarqandi (m. 373H), al-Baidhawi (m. 482H) dan lain-lain lagi.

Selain daripada beliau, Imam al-Syafie (m. 204H) juga dikatakan telah menulis kitab aqidah dengan menggunakan nama *al-Fiqh al-Akbar*, sebagaimana yang disebut oleh Haji Khalifa⁸ bahawa kitab tersebut sangat baik. Ia mengandungi beberapa fasil. Penduduk Halb⁹ pula mempelajari kitab tersebut daripada Syeikh Zain al-Abidin al-Syamagh. Tetapi setelah diteliti ternyata kitab tersebut bukan tulisan Imam al-Syafie, sebaliknya ia mungkin ditulis oleh salah seorang ulama lain kerana gaya bahasa dan persembahannya berbeza dengan gaya bahasa dan tulisan Imam al-Syafie yang lain.

b) Al-Iman

Al-Iman juga digunakan untuk memperkatakan aqidah Islam. Banyak kitab

⁷Al-Qhadhi 'Abdullah, *Nuzmu al-Dur fi Syarh al-Fiqh al-Akhbar*, Al-Majlis al-Ilmi, Karachi, Pakistan (t.t.) h. 28.

⁸Haji Khalifah Khas, *al-Dzunun an Usami al-Khutub wal al-Funun*, Maktabah al-Mutahnna, Beirut, j. 2, h. 1283.

⁹Salah satu tempat di negeri Syria sekarang.

aqidah yang menggunakan nama tersebut. Penggunaan istilah *al-Iman* diambil daripada hadith. Jibril a.s. yang datang kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan bertanya kepada baginda tentang iman. Lantas baginda menjawab: “*Iman itu ialah: engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, rasul-rasulNya, kitab-kitabNya dan hari akhirat, dan engkau beriman dengan qadar, baik dan buruknya.*”¹⁰

Sebahagian daripada para ulama telah menggunakan istilah *al-Iman* sewaktu menerangkan aqidah dengan membawa nas-nas dari al-Qur'an dan al-hadith mengikut mazhab al-Salaf al-Soleh dengan tajuk-tajuk (perbincangan tertentu).

Di antara kitab-kitab yang digunakan untuk memperkatakan aqidah dengan istilah iman ialah kitab-kitab hadith, sunnah dan kitab-kitab tafsir. Di samping itu ada juga ulama yang menggunakan nama iman untuk menulis kitab-kitab aqidah secara khusus, antaranya ialah seperti berikut:

- a. Kitab *al-Iman wa Ma'alimuhi wa Sunanuhu wa Istikmalu Darajatihi* oleh Imam Abu Ubaid, al-Qasim bin Salam al-Baghdadi (m. 224H).
- b. Kitab *al-Iman* oleh al-Hafiz Abu Bakar, Abdullah bin Muhammad bin Abi Syaibah al-'Absi (m. 225 @ 235H).
- c. Kitab *al-Iman* oleh Imam Ahmad bin Hanbal al-Syaibani (m. 241H).
- d. Kitab *al-Iman* oleh Abu Aslam al-Turi (m. 242H). Namun kitab ini tidak dapat dikesan.
- e. Kitab *al-Iman* oleh al-Hafiz Abu Abdullah, Muhammad bin Yahya bin Abi Umar al-Makki al-'Adani (m. 242H).
- f. Kitab *al-Iman* oleh Abi Jaafar Ahmad bin Muhammad al-Tahawi (m. 321H).
- g. Kitab *al-Iman* oleh al-Hafiz Muhammad bin Ishaq bin Yahya bin Mandah (m. 395H).
- h. Kitab *al-Iman* oleh Abu Ya'la, Muhammad bin al-Hasan al-Farra' al-Hambali (m. 458H).
- i. Kitab *al-Iman* oleh al-Ausat dan al-Iman al-Akbar oleh Ibnu Taimiah (m. 728H).

¹⁰*Sahih Muslim*, Tahqiq Muhammad Abdul al-Baqi, Dar al-Buhus al-Ilmiyah wa al-Ifta' wa al-Dakwah wa al-Irshad (t.t) j. 1, h. 36.

c) Al-Sunnah

Ramai juga dikalangan ulama Islam yang menggunakan istilah *al-Sunnah* di dalam memperkatakan aqidah Islam kerana ia merupakan asas di dalam agama, di mana menyalahi sunnah bahayanya sangat besar. Bertolak dari sini sebahagian ulama silam memilih istilah *al-Sunnah* sebagai judul sewaktu menulis tentang aqidah Islam atau sewaktu menolak fahaman golongan-golongan yang menyeleweng agar dapat diberi perbezaan di antara aqidah sebenar dengan fahaman yang salah.

Penggunaan istilah *al-Sunnah* di dalam memperkatakan aqidah Islam muncul pada kurun ketiga Hijrah ketika tersebarnya fahaman Muktazilah, Rafidhah, Sufiah dan ilmu Kalam dengan meluas. Pada ketika itu ulama menggunakan istilah *al-Sunnah* kepada aqidah untuk membezakan dengan istilah golongan-golongan tersebut.

Walaupun istilah *al-Sunnah* di dalam aqidah telah digunakan semenjak zaman sahabat lagi, namun ianya tidak tersebar luas sebagaimana pada kurun ketiga Hijrah. Saidina Umar r.a. pernah berkata: “*Orang yang meninggalkan sunnah adalah kufur*”. Sahabat tidak menghukum sesuatu perkara itu dengan kufur kecuali perkara yang besar seperti Usuluddin dan I’tiqad.¹¹ Seperti dijelaskan oleh Ali bin Abi Talib r.a.: “*Hawa nafsu pada pendapat saya ialah orang yang menyalahi al-Sunnah.*”

Menurut Ibnu Taimiah (m. 728H): “sebahagian ulama Ahl al-Sunnah telah mengumpul hadith-hadith dan athar di dalam bab-bab aqidah seperti Hamad bin Salamah (m. 163H), Abdul Rahman bin Mahdi (m. 198H), Abdullah bin Abdul Rahman al-Darimi (225H), Othman bin Saied al-Darimi (m. 280H), Imam al-Bukhari (m. 256H), Abu Daud (m. 275H), al-Nasaie (m. 393H), Ibnu Majah (m. 270H). Mereka memuatkan aqidah Islam dengan nama al-Sunnah di dalam kitab masing-masing. Begitu juga Abu Bakar al-Athram (m. 261H), Abdullah bin Ahmad (m. 290H), Abu Bakar al-Khalal (m. 310H), menulis kitab-kitab aqidah dengan menggunakan nama al-Sunnah.”¹²

Di antara kitab-kitab aqidah yang menggunakan nama al-Sunnah adalah seperti berikut:

- a. *Al-Sunnah* oleh Ibnu Abi Syaibah, Abu Bakar, Abdullah bin Muhammad bin Ibrahim bin Othman al-‘Absi (m. 225H @ 235H).

¹¹Ibnu al-Battah, *Al-Ibanah an Syariati al-Firqati al-Najiah*, tahqiq Ridha Mu‘ti. Riyadh, (t.t.) j. 1 h. 338.

¹²Ibnu Taimiah, *al-Wasiat al-Kubra*, tahqiq Othman Dhamiriah dan Muhammad al-Munir, Maktabah al-Sadiq, Taif (t.t.) h. 60-63.

- b. Kitab *al-Sunnah* oleh Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (m. 241H).
- c. Kitab *al-Sunnah* oleh al-Athram, Abu Bakar, Ahmad bin Muhammad bin Hani' al-Baghdadi, murid Imam Ahmad (m. 273H).
- d. *Al-Sunnah* oleh Abu Ali, Hambal bin Ishaq bin Hambal bin Hilal, murid Imam Ahmad (m. 273H).
- e. *Al-Sunnah* oleh Abu Daud, Sulaiman bin al-Ashath al-Sajistani, pengarang kitab *al-Sunan* (m. 275H).
- f. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu 'Asim, Hafiz Abu Bakar, 'Amru bin Hazm bin Abi 'Asim, al-Dhahak bin Mukhlid al-Syaibani (m. 278H).
- g. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu Abdul Rahman, Abdullah bin Ahmad bin Hanbal (m. 290H).
- h. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu Bakar, Ahmad bin Ali bin Saied al-Marwazi (m. 292H).
- i. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu Bakar, Ahmad bin Muhammad bin Harun al-Khalal (m. 311H).
- j. *Bayan al-Sunnah wa al-Jama'ah*, dikenali sebagai Aqidah al-Tahawiah (m. 321H).
- k. Kitab *al-Sunnah* oleh al-'Assal, Abu Ahmad, Muhammad bin Ahmad bin Ibrahim bin al-Asfihani (m. 349H).
- l. *Al-Sunnah* oleh Abu Qassim, Sulaiman bin Ahmad bin Ayub al-Lakhmi al-Tabarani (m. 360H).
- m. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu Hasan al-Syeikh al-Isbihani al-Hayani (m. 369H).
- n. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu Jaafar, Omar bin Ahmad bin Othman al-Baghdadi terkenal dengan Abu Syahin (m. 385H).
- o. Kitab *al-Sunnah* oleh Muhammad bin Nasr al-Mawardi (m. 394H).
- p. *Al-Sunnah* atau *Syarah Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* oleh Abu Qasim Hibatullah bin Hasan al-Lakakie (m. 418H).
- q. Kitab *al-Sunnah* oleh Abu Zar, Abd bin Ahmad bin Muhammad bin Abdullah al-Ansari al-Harawi (m. 434H).

- r. *Al-Risalah fi al-Sunnah* oleh Abu Othman al-Sabuni (m. 449H).¹³

Semua kitab aqidah yang menggunakan nama *al-Sunnah* ditulis untuk menggalakkan, mendorong dan menyeru umat Islam supaya berpegang dengan sunnah Rasulullah s.a.w. di dalam iktiqad dan menjauhi cara yang telah dibawa oleh golongan yang telah terpengaruh dengan unsur-unsur bid'ah, sesat dan Ahl al-Ahwa'.¹⁴

Kitab-kitab aqidah ini adalah himpunan hadis-hadis yang ada hubungan dengan aqidah. Cara penyusunan kitab-kitab aqidah yang menggunakan nama *al-Sunnah* dan *al-Iman* mempunyai persamaan di mana mereka memulakan dengan bab-bab, kemudian dibawa hadis-hadis dan *athar* yang bersesuaian dan judul-judulnya. Hadis-hadis yang dimuatkan di dalam satu-satu bab itu di ambil dari berbagai riwayat, kadang-kadang penyusun-penyusun membuat kritikan kepada riwayat-riwayat dan sanad-sanad hadis tersebut. Pada kebiasanya judul-judulnya adalah untuk menjelaskan aqidah yang sebenar dan menolak fahaman yang silap dan menyimpang dari aqidah yang murni.

d) Al-Tauhid

Aqidah juga digunakan dengan nama Tauhid atau Ilmu Tauhid. Nama ini diambil daripada bahagian perbincangan utama di dalam aqidah. Mentauhidkan Allah merupakan bahagian yang paling penting di dalam perbincangan aqidah Islam. Sementara bahagian-bahagian lain seperti beriman kepada malaikat, rasul-rasul, hari qiamat dan sebagainya diasaskan kepada beriman kepada Allah. Beriman kepadaNya merupakan asas kepada semua bahagian lain.¹⁵

Di antara kitab-kitab aqidah yang menggunakan nama *Tauhid* adalah seperti berikut:

- a. Kitab *al-Tauhid* oleh Abu al-Abbas Ahmad bin Omar bin Surij al-Baghdadi (m. 306H).
- b. Kitab *al-Tauhid wa Ithbat Sifat al-Rabb Azzawajalla* oleh Ibn Khuzaimah (m. 311H).

¹³Othman Jam‘ah Dhamiriah, *Madkhal li Dirasati al-Aqidah al-Islamiyah*, Maktabah al-Sawadi, Jeddah, 1993M. h. 98.

¹⁴Muhammad Munir al-Dimasyqi, *Namuzaj min Amal al-Khairiah*, h. 259.

¹⁵Dr. Nasir Abdullah al-Qafari, *Muqaddimat fi Usul al-‘I’tiqad*, h. 8.

- c. Kitab *al-Tauhid wa Ma'rifatul Allah Azzawajalla wa Sifatuhu 'Ala al-Ittifaq wa al-Tafaruq* oleh Muhammad bin Ishaq bin Mandah (m. 395H).
- d. *Al-Hujjah fi Bayan al-Mahajah wa Syarh al-Tauhid wa Mazhab Ahl al-Sunnah* oleh Ismail bin Muhammad al-Taimi al-Isbihani.
- e. *Al-Tauhid li Qawaaid al-Mufid* oleh Ahmad bin Ali Abu Mu'in al-Nasafi al-Kahuli Maimun bin Muhammad (m. 508H).
- f. *Tajrid al-Tauhid* oleh al-Maqrizi (m. 854H).
- g. Kitab *al-Tauhid 'Ala Zu Huwa Haq Allah 'Ala al-'Abid* oleh Muhammad Abdul Wahab al-Taimi al-Najdi.
- h. *Risalah al-Tauhid* oleh al-Syeikh Ismail Abdul Ghani al-Dahlawi al-Shahid (m. 1246H).
- i. *Al-Dar al-Nadid fi Ikhlas Kalimatuhu al-Tauhid* oleh Muhammad bin Ali al-Syaukani (m. 1250H).
- j. *Dalail al-Tauhid* oleh al-Syeikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi (m. 1332H).
- k. *Risalah al-Tauhid* oleh Muhammad Abduh.
- l. *Kitab Tauhid al-Khaliq* oleh Abdul Aziz al-Zandani.¹⁶

e) Al-Syariah

Aqidah juga dinamakan dengan *al-Syariah*. Istilah ini digunakan di dalam menggambarkan aqidah Ahl al-Sunnah seperti; mereka beriktihad bahawa iman adalah kata-kata dan perbuatan (amalan) dan mensifatkan Allah s.w.t. sebagaimana Dia sifatkan diriNya di dalam al-Qur'an dan sebagaimana disifatkan oleh rasulNya s.a.w. di dalam sunnahnya. Syariah di dalam pengertian ini samalah dengan al-Sunnah, iaitu ia adalah menyentuh perkara-perkara yang berkait dengan aqidah.¹⁷

Di antara kitab aqidah yang di tulis dengan menggunakan nama *Al-Syariah* ialah;

- a. Kitab *al-Syariah* oleh Imam Abu Bakar, Muhammad bin al-Hasan bin Abdullah al-Ajuri (m. 360H). Kitab ini mengandungi tiga perkara pokok utama;

¹⁶Othman Jam'ah Dhamiriah, *op. cit.* h. 113.

¹⁷Ibn Taimiyah, *Majmu' Fataawa*, susunan Ibn 'Asim, cetakan Maghribi (t.t.) j. 19 h. 306.

- (i) memperingatkan umat Islam dari perpecahan, dan supaya bersatu di dalam agama.
 - (ii) mengenal Allah sehingga bersemaraknya hati untuk membesar dan mengagungkanNya
 - (iii) mengenal rasul sehingga lahir kasih sayang, patuh, dan meletakannya sebagai contoh di dalam hidup dan tidak kepada orang lain.
- b. *Al-Ibanah an Syariatil al-Firqah al-Najiah*, oleh Imam Abu Abdillah, Abdullah bin Muhammad bin Battah al-‘Akbiri (m. 1387H). Kitab ini terdiri dari tujuh juzuk semuanya. Ia merangkumi permasalahan aqidah dan berbagai perkara pokok di dalam agama.¹⁸

f) Al-Aqidah

Al-Aqidah adalah nama yang sering digunakan di dalam memperkatakan iman dan perbahasannya. Istilah tersebut adalah di antara yang terkenal dan digunakan secara meluas sejak dulu sampai sekarang. Walaupun istilah tersebut tidak terdapat di dalam al-kitab dan al-sunnah, tetapi penggunaannya tidak salah dan dapat dipakai di dalam memperkatakan persoalan keimanan dan perbahasannya.

Di antara kitab-kitab yang menggunakan nama aqidah adalah seperti berikut:

- a. *Aqidah al-Salaf Ashabu al-Hadith* oleh Imam Abu Othman Ismail al-Sabuni (m. 449H).
- b. *Al-‘Itiqad ‘Ala Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah* oleh Imam Abu Bakar Ahmad bin al-Husin al-Baihaqi (m. 458H).
- c. *Al-Irsyah Ila Qawati’ al-Adilah fi Usul al-‘Itiqad* oleh Imam Abu al-Ma’ali Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf al-Juwaini (m. 478H).
- d. *Al-Iqtisad fi al-‘Itiqad* oleh Imam al-Ghazali (m. 505H).
- e. *Al-Durrah al-Mudiah fi Aqidah al-Firqah al-Najiah* oleh Syeikh Ahmad al-Safarini (m. 118H).
- f. *Al-Aqidah fi Daw al-Kitab wa al-Sunnah* oleh Dr. Umar al-Ashqar, *al-Aqidah fi al-Qur’an* oleh Muhammad al-Mubarak dan lain-lain.

¹⁸Othman Jam’ah Dhamiriah, *op. cit.* h. 119.

g) Usuluddin

Aqidah juga disebut sebagai Usuluddin. Istilah tersebut digunakan untuk menggambarkan aqidah yang merupakan usul, asas dan prinsip utama di dalam Islam yang perlu diimani dan diyakini oleh setiap umat Islam. Istilah Usuluddin di dalam aqidah sudah tidak asing lagi, malah ia telah terkenal dan di terima ramai, sejak dulu sampai sekarang. Oleh kerana istilah ini begitu mantap sehingga ada universiti yang menubuhkan kulliah dengan nama Kulliah Usuluddin. Ia memberi gambaran bahawa pelajaran yang diajar ialah aqidah, Qur'an, hadis dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya. Pengertian ini agak lebih luas dari penggunaan asal.

Di antara kitab-kitab yang menggunakan nama Usuluddin di dalam membicarakan aqidah ialah seperti berikut:

- a. *Al-Ibanah 'an Usul al-Dianah* oleh Imam Abu Hasan al-'Asyari (m. 329H).
- b. *Al-Syarh wa al-Ibanah 'an Usul al-Sunnah wa al-Dianah* oleh Abu Abdullah bin Muhammad bin Baah al-Abakri (m. 387H). Kitab ini terkenal dengan *al-Ibanah al-Sughra*.
- c. *Usul al-Din* oleh Abu Mandur Abdul Qahir al-Taimi (m. 429H).
- d. *Al-Syamil fi Usul al-Din* oleh Imam Abu al-Ma'ali al-Juwaini.
- e. *Usul al-Din* oleh Shamsul al-Islam Ali bin Muhammad bin Ali al-Juwaini Alkia al-Hirasi (504H).

Nama-nama aqidah yang ada buku-buku yang ditulis dengan menggunakan salah satu dari nama-nama tersebut merupakan yang diterima dan tidak dipertikaikan oleh umat Islam. Nama-nama tersebut telah diguna sehingga sampai ke hari ini. Namun begitu ada juga nama-nama yang telah diguna sejak dulu lagi, namun di-pertikaikan penggunaannya;

Di antara nama-nama yang terkenal ialah seperti berikut:

Pertama: Ilmu al-Kalam

Ilmu al-Kalam merupakan nama yang terkenal dan masyhur dikalangan umat Islam sejak dulu sampai sekarang. Istilah tersebut dipakai untuk menggambarkan aqidah Islam.

Ada beberapa sebab yang mendorong mereka menggunakan istilah tersebut. Antaranya ialah:

- a. Masalah Kalam (Kalamullah) merupakan perbahasan utama di dalam perbincangan mereka. Persoalan ini paling kuat diperdebatkan dan paling banyak perselisihan di antara satu sama lain.
- b. Perbincangan Ilmu Kalam memperolehi kekuatan berhujah dengan menggunakan akal demi mencapai tujuan syara' dan mengalahkan lawan seperti mantiq dan falsafah.
- c. Ia disebabkan kekuatan dalil-dalilnya sehingga dianggap tidak sama seperti ilmu-ilmu lain, sebagaimana juga dikatakan kepada kalam (ucapan) yang lebih kuat: "*itulah dia kalam (ucapan atau pendapat) yang benar*".
- d. Kerana tajuk-tajuk perbahasan diberi dengan judul - "al-Kalam di sini ialah begini....." dan sebagainya.
- e. Ilmu tersebut dibina berdasarkan kalam di dalam perbahasan dan tiada hubungan dengan amalan zahir (anggota).
- f. Pendokong-pendokong Ilmu Kalam membincangkan perkara-perkara yang tidak pernah dilakukan oleh para al-Salaf al-Soleh ataupun perkara-perkara yang ditegah oleh mereka.¹⁹

Para ulama Islam tidak bersepakat di dalam menamakan Ilmu Aqidah dengan nama Ilmu al-Kalam. Di kalangan mereka ada yang menerima dan ada juga yang menolak. Golongan yang menerima terdiri daripada golongan ahli al-Kalam seperti Muktazilah dan mereka yang sealiran dengannya di mana asas dan manhaj mereka di dalam aqidah adalah mengutamakan akal daripada naql (nas-nas daripada al-Qur'an atau al-hadith).

Sementara golongan yang menolak istilah tersebut ialah golongan al-Salaf al-Soleh, antaranya ialah imam-imam mazhab seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malek, Imam Syafie dan Imam Ahmad.

Para ulama al-Salaf menolak istilah dan nama tersebut kerana method ilmu al-Kalam adalah berdasarkan *jadal* (perdebatan). Sedangkan *Jadal* di dalam perkara aqidah adalah dilarang keras oleh agama. Umat-umat terdahulu telah sesat dan menyimpang dari landasan *Sirat al-Mustaqim* kerana telah berdebat di dalam perkara agama.

¹⁹Ali 'Abdul al-Fattah al-Magribi, *Al-Firaq al-Kalamiyah al-Islamiyah*, Maktabah Wahbah, Mesir 1989, h. 15. Sulaiman al-Ghusun, *Mauqiful al-Mutakalimin minal al-Istidlal bi Nusus al-Kitab wa al-Sunnah*, Dar al-'Asimah, Saudi Arabia, 1996M. j.1 h. 23.

Para al-Salaf al-Soleh sentiasa menggesa umat Islam agar berpegang teguh dengan “al-Sunnah” dan melarang, memberi amaran serta peringatan terhadap bahaya bid’ah dan kalam yang tercela.

Imam Abu Hanifah pernah ditanya: “Apa pendapat tuan terhadap apa yang dilakukan oleh orang ramai tentang (kalam) mengenai al-‘ard dan ajsam?”. Beliau menjawab: “Itu adalah kata ahli falsafah. Hendaklah kamu berpegang dengan athar (hadith) dan jalan Salaf (*tariqah al-Salaf*). Jauhilah diri kamu daripada semua perkara yang diada-adakan kerana semuanya itu adalah bid’ah”.²⁰

Imam Malik berkata: *“Sekiranya kalam adalah ilmu sudah pasti para sahabat dan tabien memperkatakannya sebagaimana mereka memperkatakan tentang hukum-hukum dan syariat tetapi ilmu Kalam itu adalah batil dan menunjukkan kebatilan”*.

Abu Yusuf, murid Imam Abu Hanifah pernah berkata: *“Sesiapa yang mempelajari agama dengan kalam (melalui ilmu Kalam) akan menjadi zindiq, sesiapa yang mencari hadith-hadith yang gharib (pelik) akan berbohong dan sesiapa yang mencari harta dengan kimia akan bankrap”*

Perkataan Imam Syafie terhadap ilmu Kalam cukup tegas dan keras. Beliau berkata: “Sekiranya seseorang itu melakukan semua perkara yang ditegah oleh Allah (perbuatan dosa) selain daripada syirik adalah lebih baik daripada mempelajari ilmu Kalam. Kerana sesungguhnya demi Allah, aku telah melihat ajaran ahli Kalam dan aku tidak menjangka sama sekali (bahawa kata-kata mereka amat berbahaya dan menyimpang daripada aqidah Islam)”. Seterusnya beliau berkata: “Aku menghukum mereka (ahli Kalam) sebagaimana Umar menghukum Subaigh”. Bahkan Imam al-Syafie menyatakan dengan lebih tegas lagi bahawa golongan tersebut boleh dikenakan hukuman *ta’zir*. Katanya: “Hukum aku terhadap ahli Kalam ialah dipukul dengan pelepas tamar, diletak di atas belakang unta, diarak ke seluruh qabilah dan dilaung serta dihebahkan dengan suara yang kuat - inilah balasan orang yang meninggalkan kitab Allah dan al-Sunnah serta belajar ilmu Kalam!”.

Imam Ahmad pula berkata: “Jangan sekali-kali kamu mendengar (belajar) daripada ahli al-Kalam walaupun mereka mempertahankan al-Sunnah”. Beliau juga pernah berkata: “Ulama Kalam adalah zindiq”²¹

Pandangan-pandangan daripada para imam Mujtahid dari pelbagai aliran dan mazhab menunjukkan bahawa mereka tidak suka ilmu al-Kalam dan melarang keras umat Islam daripada mempelajarinya. Sudah tentu mereka tidak akan melarang

²⁰Al-Lakakaie, *Syarah Usul Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*, 1/33.

²¹*Ibid*, 1/33

sesuatu kecuali kerana perkara itu suatu bahaya besar. Justeru itu mereka juga tidak menggalakkan penggunaan nama dan istilah tersebut di dalam memperkatakan ilmu aqidah Islam.

Walaubagaimanapun ada pendapat yang mempertahankan pengunaan istilah ilmu kalam di dalam aqidah dan mereka menganggap ada kewajaran yang tertentu. Antara yang mempertahankannya ialah golongan mutakalimin. Mereka berpendapat perlu *al-Nazar* dalam asas agama dan *isbat* dengan akal. Mereka berpendapat iman yang lahir dari akal lebih kuat dan kukuh dari hanya dengan cara taklid semata-mata.²²

Kalau diteliti kepada perbincangan kedua-dua pihak tadi ternyata bahawa perbezaan pendapat itu bukan pada namanya, tetapi kepada isi perbincangannya. Sebenarnya al-Salaf tidak mencela ahli al-Kalam secara umum, tetapi yang meraka cela ialah golongan kalam yang menimbulkan kekeliruan, *shubuhat*, dan mengikut hawa nafsu, manakala golongan ahli kalam yang benar yang mengemukakan dalil mengenai Allah dan menyatakan apa yang wajib dan apa yang mustahil tidak di cela.²³ Dari sini dapat di simpulkan bukan nama yang di pertikaikan tetapi isi dan metodologi yang diperdebatkan. Memandangkan pada masa Imam-imam mujtahidin telah muncul perdebatan tentang aqidah islam, dan golongan Jahmiyah serta Muktazilah menggunakan metodologi akal di dalam aqidah dan meletakkannya lebih tinggi dari nas-nas syarak, maka imam-imam menolaknya. Oleh kerana golongan tersebut menggunakan nama ilmu kalam, maka dengan sendirinya ilmu itu di tolak oleh imam-imam yang terkenal itu.

Antara kitab-kitab aqidah yang menggunakan nama Ilm al-Kalam ialah:

- a. *Iljama al-Awam an Ilmi al-Kalam* oleh Imam al-Ghazali (m. 505H)
- b. *Nihayatu al-Akdam fi Ilmi al-Kalam* oleh al-Juwaini (m. 478H)
- c. *Al-Mawaqif fi Ilmi al-Kalam* oleh Ieji

Kedua: Tasawwuf

Tasawwuf juga pernah digunakan sebagai salah satu daripada nama aqidah Islam. Penggunaan tersebut adalah tidak tepat dan dianggap oleh sebahagian ulama sebagai bid'ah. Anggapan ini berdasarkan bahawa di dalam Tasawwuf terdapat pelbagai keadaan yang tidak boleh diterima seperti *syathahat*, khurafat dan

²²Ali Mustafa al-Magribi. *op.cit.* h. 107.

²³Ibn Taimiyah, *Da'u ta'arud al-'Akl wa al-Naql*, j.1, h. 178.

sebagainya. Kerana itu mereka tidak mahu menamakan ilmu Aqidah sebagai Tasawwuf.²⁴

Ketiga: Falsafah

Ada juga sebahagian pengkaji menggunakan “falsafah” sebagai nama kepada ilmu Aqidah dengan beralasan bahawa falsafah juga mengkaji perkara-perkara yang berhubung dengan ma’rifah, ketuhanan dan sebagainya. Malah nama Falsafah juga telah dikenali sebagai matapelajaran penting untuk memperolehi sarjana muda di dalam Pengajian Islam di universiti-universiti Barat. Sebenarnya nama Falsafah sebagai ilmu Aqidah tidak boleh diterima kerana asas bagi ilmu Falsafah ialah mengkaji tabiat setiap sesuatu dan hakikat kewujudannya sama ada ia ada hubungan dengan agama ataupun tidak seperti ma’rifah, tabiat atau matematik dan sebagainya. Manakala ilmu Aqidah membahaskan ketuhanan dan rukun-rukun iman berdasarkan kepada sumber wahyu; al-Qur’ān ataupun al-Sunnah.²⁵

Keempat: Al-Ilahiyyat

Ahli-ahli falsafah dan orientalis menamakan ilmu Aqidah dengan ilmu *al-Lahut*. *Al-Lahut* telah diwujudkan sebagai satu bahagian dalam pengajian ilmu ketuhanan. Penggunaan ini juga tidak tepat kerana istilah ini bukan sahaja membincangkan konsep ketuhanan menurut Islam tetapi juga mencakupi konsep-konsep ketuhanan di dalam agama lain seperti Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu dan sebagainya.²⁶

Kelima: Metafizik

Nama ini juga digunakan oleh ahli-ahli falsafah dan penulis-penulis Barat di dalam menggambarkan pengajian Aqidah Islam. Sudah tentu penggunaan perkataan ini amat jauh dan tidak tepat di dalam menggambarkan Aqidah Islam yang sebenar.

Daripada nama-nama aqidah yang diterangkan di atas sama ada dari penggunaan Ahl al-Sunnah atau golongan-golongan lain maka dapat dilihat bahawa sepanjang sejarah umat Islam telah banyak nama dan istilah yang digunakan untuk ilmu Aqidah. Ini juga memberi gambaran kepada kita betapa penting dan tingginya kedudukan ilmu tersebut di dalam Islam.

Namun sebagai umat Islam, kita perlu memberi perhatian kepada ilmu Aqidah ini, bukan sahaja kepada nama tetapi sekaligus kepada manhaj yang telah diguna

²⁴Nasir al-‘Akal, *Mabahis fi ‘Aqidah ahl al-Sunnah wal al-Jama‘ah*, Dar al-Watan, Riyadh, Saudi Arabia, cet.1 (t.t.) h. 11.

²⁵*Ibid.* h. 11.

²⁶*Ibid.* h. 11

pakai di dalam sejarah umat Islam serta cara-cara dan pendekatan ulama Islam yang tepat di dalam mempelajari Aqidah Islam. Kita yakin bahawa nama-nama yang telah diterima pakai oleh ulama Islam sejak dulu sampai sekarang adalah amat baik dan tepat kerana mereka mempunyai asas yang kukuh sewaktu memberi dan menggunakan nama-nama dan istilah-istilah tersebut kepada ilmu Aqidah. Nama dan istilah yang telah digunakan oleh para ulama terdahulu belum tentu sesuai atau tepat dengan konsep dan asas Aqidah Islam yang sebenar.

Setelah berbagai nama yang telah di gunakan di dalam aqidah Islam sehingga sampai hari ini, dan penulisan aqidah sendiri telah melalui berbagai peringkat, kadangkala berlaku berbagai kekeliruan dan salah anggap dan juga terbawa ke dalam aqidah perkara-perkara yang tidak ada kena mengena dengannya. Setelah timbul berbagai keadaan dan masalah di dalam pendekatan aqidah yang disampaikan, dan dirasakan ia tidak lagi menepati sasaran dan matlamat, serta dirasakan ia semakin jauh dari apa yang diharapkan, maka ada usaha-usaha baru di dalam pendekatan aqidah oleh pemikir-pemikir Muslim yang cuba menghidangkan aqidah Islam dalam bentuk baru, bersumberkan kepada Qur'an dan sunnah. Ekorannya lahirlah istilah *tasawwur Islam*.

TASAWWUR ISLAM

Maksud tasawwur Islam ialah pemikiran umum yang merangkumi semua aspek yang di bawa oleh Islam, iaitu tentang keujudan (Allah, alam kehidupan dan manusia) dan asas-asasnya. Ia tercera di dalam keyakinan dan aqidah yang melahirkan gambaran yang jelas di dalam akal dan jiwa seseorang Muslim .

Orang yang pertama mencetuskan istilah tersebut ialah Abu al-'Ala al-Maududi, seorang ahli fikir Muslim dan pemimpin Jama'ah Islam di Pakistan. Pemikiranya itu digarapkan di dalam kitabnya; *al-Hadarah al-Islamiyah* (Asas-asas dan prinsipnya) dan juga dalam bukunya *Sistem Kehidupan Islam*.

Sayyid Qutub menyusul pula dengan kitabnya; *Keadilan Masyarakat Di Dalam Islam*. Di dalam bukunya itu beliau menjelaskan pandangan Islam terhadap kehidupan, untuk menjadi asas kepada semua termasuk sistem ekonomi dan keadilan sosial. Beliau juga telah menulis buku lain dengan judul *Khasais al-Tasawur al-Islami wa muqawimatuhu*.

Perkembangan penulisan aqidah sepanjang sejarah ini dapat disimpulkan bahawa semua pihak sangat prihatin kepada aqidah. Justeru itu ia telah di beri perhatian sepanjang masa.